

# Formula BN dapat wujud hari esok yang bahagia-PM

10 JUL 1986

**JOHOR BAHARU 9 Julai** — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hanya formula Barisan Nasional sahaja yang dapat menyelesaikan segala masalah yang ada di samping mewujudkan hari esok yang bahagia untuk rakyat di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, Barisan Nasional sahajalah yang mampu menunaikan tanggungjawab itu dalam konteks Malaysia berbilang kaum, kebudayaan dan kepercayaan.

Katanya, masa depan negara dan bangsa akan terus terpelihara selagi rakyat memberikan kepercayaan yang penuh kepada Barisan Nasional untuk memerintah negara.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan ini dalam kata-kata aluan buku cenderamata sempena upacara memperingati penubuhan parti Barisan Nasional anjuran Barisan Nasional bahagian Pulai, di Tampoi, Jumaat ini.

Beliau selaku Pengerusi Barisan Nasional seterusnya

berkata, Barisan Nasional ditubuhkan dengan matlamat menyatupadukan rakyat Malaysia dari berbilang kaum untuk bersama-sama memperjuangkan nasionalisme dengan mengeneipkan perjuangan perkauman sempit.

Beliau berkata, di samping ciri-ciri tersebut penubuhan parti Barisan Nasional juga ingin mengurangkan penentangan politik yang boleh merugi dan menghalang pencapaian cita-cita nasional.

Barisan Nasional juga, kata Perdana Menteri merupakan lanjutan ataupun merupakan perluasan daripada kesatuan yang wujud di antara rakyat dan parti politik yang diasaskan melalui perikatan dalam memperjuangkan kemerdekaan dan membangunkan negara.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyifatkan perpaduan rakyat dan kesatuan tenaga yang telah dapat diwujudkan melalui penubuhan Barisan Nasional telah membawa negara dan rakyat ke peringkat kemajuan yang cukup tinggi.

“Kejayaan yang kita capai selama ini sejak kita bersatu dalam Barisan Nasional melebihi kejayaan yang dicapai oleh setengah-setengah negara lain baik yang telah lama mahupun yang bersama merdeka dengan kita.”

Menurut beliau, Barisan Nasional telah dapat mewujudkan kestabilan politik, ekonomi, serta keamanan yang lebih mantap untuk kepentingan negara dan rakyat dan perayaan yang dianjurkan oleh Barisan Nasional Pulai ini sesuatu yang sangat besar ertinya.

Katanya, perayaan ini akan dapat menyedarkan ahli-ahli Barisan Nasional di semua peringkat dan rakyat jelata memahami dengan betul mengapa Barisan Nasional ditubuhkan kira-kira 14 tahun lalu.

Kesedaran ini amat penting untuk menjamin kestabilan dan kejayaan Barisan Nasional bagi meneruskan perjuangan membentuk masa depan bangsa dan negara dengan lebih yakin lagi.